



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI AHAD, 26 REJAB 1443 / 27 FEBRUARI 2022
(HARI KEEMPAT)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A. Yang Berhormat Menteri Pertahanan II (Kedua) telah menyampaikan mukadimah mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.1.2. Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan memandangkan ianya berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara dan sensitif, dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka.
- 2.1.3. Tajuk SB01A - SB04A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

- 2.2.1. Jawatankuasa seterusnya telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.
- 2.2.2. Pembentangan anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Kewangan dan Ekonomi disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua).

2.2.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua):

- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
 - Ingin mengetahui jika ada perancangan Negara Brunei Darussalam dalam membuat kajian kekuatan kuasa beli rakyat.
 - Mencadangkan untuk memberikan insentif dan *grant* kepada mana-mana syarikat pelancongan pada jumlah yang ditetapkan.
 - Mencadangkan agar program subsidi baja pertanian ditingkatkan bagi meningkatkan hasil padi negara.
 - Mencadangkan untuk menyediakan peruntukan bagi latihan yang komprehensif kepada orang-orang yang berminat dengan ekonomi digital.
 - Menyarankan agar isu jaminan warga asing dalam membina perniagaan pada nama syarikat yang lain diteliti dan diambil tindakan.
- ii. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman:
 - Ingin mengetahui jika terdapat alternatif bagi penyewaan rumah-rumah kerajaan untuk mencapai kadar pemilikan rumah sendiri yang tinggi terutamanya bagi penjawat-penjawat awam yang berskala gaji Bahagian III dan kebawah.
 - Mencadangkan untuk memperkenalkan skim Sewa-Beli Rumah (*Rent-to-Own*) di mana skim ini membolehkan penyewa untuk memiliki kediaman tersebut setelah tamat tempoh penyewaan dalam jangka masa yang dipersetujui.
 - Ingin mengetahui pilihan atau cara lain bagi mengatasi isu defisit dalam jangka panjang.

- iii. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:
- Ingin mengetahui cadangan perubahan baru yang akan dilaksanakan berkenaan dengan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @Sabli bin Haji Arsad:
- Memohon bagi kos pengauditan terhadap syarikat-syarikat yang tidak aktif untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya.
 - Mencadangkan agar dibuat kajian yang terperinci bagi pihak *developer* yang berminat untuk menjual rumah kepada perkhidmatan awam.
 - Ingin mengetahui jika ada perancangan untuk memberikan peluang atau menambah kuota untuk memperluaskan pengimportan beras.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:
- Ingin mengetahui mengenai dengan jenis-jenis perkhidmatan pembayaran secara atas talian yang paling berkesan dan yang mendapat respon tertinggi oleh masyarakat sejak penularan wabak COVID-19.
- vi. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:
- Memohon pencerahan tentang perbezaan antara Peraturan Kewangan yang baharu dengan *Peraturan Kewangan 1983*.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:
- Mempersoalkan cara-cara bagi mengatasi isu bayaran yang tertunggak dan mencadangkan untuk dipohonkan peruntukan tambahan bagi menyelesaikan isu tunggakkan pembayaran.

2.2.4. Ahli Yang Berhormat mengundi dan telah bersetuju bagi Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A – Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.3. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbulangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- 2.3.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:
 - Memohon penjelasan mengenai keberkesanan program integrasi perkhidmatan *Emergency Medical Ambulance Services* (EMAS) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat, samaada program tersebut masih dijalankan.
 - Mencadangkan sebuah *centralised national hotline number* bagi talian-talian kecemasan untuk kegunaan orang awam.
 - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
 - Mencadangkan agar pihak kementerian melantik konsultan profesional untuk merangka pelan strategik dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi memperkasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampong di era akan datang dan di samping itu juga mencadangkan pemberian *grant* atau peruntukan khas bagi Majlis Perundingan Kampong bagi menampung perbelanjaan aktiviti tahunan.
 - Mencadangkan supaya umur pekerja asing dibenarkan di sektor-sektor tertentu diberikan sekatan kepada umur 30 tahun ke atas.
 - iii. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput:
 - Ingin mengetahui tentang perancangan yang akan dilaksanakan bagi pembangunan luar bandar dengan peruntukan yang tersedia.

- Mengusulkan agar Jabatan Daerah melalui Skim ‘1 Kampung 1 Produk’ (1K1P) untuk mewujudkan Program Desa Lestari bagi mengukuhkan aktiviti ekonomi yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:
- Mencadangkan program-program bagi memantapkan pengetahuan dan ilmu untuk para pemimpin dalam hal ehwal berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan serta penghayatan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Naim bin Kamis:
- Ingin mengetahui bentuk perancangan baru dari pihak Kementerian untuk membantu mengurangkan pengangguran dan menggalakkan belia-belia berkecimpung mengusahakan ‘1 Kampung 1 Produk’ (1K1P)
 - Ingin mengetahui cara pihak Kementerian dalam memastikan bekalan ‘1 Kampung 1 Produk’ (1K1P) akan berterusan menjana ekonomi dan kaedah untuk mengawal hasil kualitinya.
- 2.3.3. Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.4. KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 2.4.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan iaitu SF01A hingga SF06A.

- 2.4.2. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pendidikan.
- 2.4.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan:
- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
 - Mencadangkan untuk Program Fakulti Pertanian Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk mempunyai pelan tindakan yang komprehensif dan menjamin kualiti program kebolehpasaran pelajar sama ada untuk mendapatkan pekerjaan atau menjalankan *agribusiness* (perniagaan tani).
 - Memohon agar pihak UNISSA memberiarkan maklumat kepada orang ramai, khususnya belia-belia yang berminat untuk memasuki Fakulti Pertanian.
 - Memohon pencerahan tentang peranan pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam membantu sektor pertanian dan perikanan.
 - ii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:
 - Ingin mengetahui usaha penyelarasan program pertanian memandangkan ianya ditawarkan oleh tiga institusi pengajian iaitu Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Fakulti Pertanian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) serta Universiti Teknologi Brunei (UTB).
 - Mencadangkan untuk menumpukan program pertanian untuk ditawarkan oleh sebuah universiti agroteknologi.
 - Ingin mengetahui sama ada pusat-pusat tuisyen boleh ditawarkan secara atas talian dan tidak disyaratkan untuk mempunyai tempat pengajian fizikal yang khusus.

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon:

- Ingin mengetahui perkembangan projek-projek utama yang dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 dibawah objektif strategik kedua dan pelan strategik Kementerian Pendidikan.
- Memohon pencerahan mengenai dengan perancangan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan kurikulum-kurikulum dan piawaian-piawaian baharu di sekolah-sekolah kerajaan pada Tahun Kewangan 2022/2023.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu:

- Ingin mengetahui inisiatif kementerian dalam memastikan tidak ada berlaku sebarang keciciran terutamanya bagi pelajar yang kurang berkemampuan serta kelainan upaya.
- Memohon pencerahan mengenai keadaan kesejahteraan guru-guru sejak berlakunya gelombang kedua dan ketiga wabak COVID-19.

v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

- Ingin mengetahui kekerapan pihak kerajaan membuat penelitian dan penilaian ke atas kurikulum sekolah-sekolah rendah, menengah dan menengah atas, khususnya bagi subjek Sains dan Sains Sosial, samaada telah dirujuk kepada sumber Al-Quran, Hadith dan falsafah Melayu Islam Beraja.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:

- Ingin mengetahui tindakan dan perkembangan program *Master of Teaching* sama ada sudah dibuat penilaian atas keberkesanannya.
- Ingin mengetahui sekiranya Universiti Teknologi Brunei (UTB) sudah membuat kajian tentang keperluan asasi negara dan masyarakat berasaskan teknologi.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

- Ingin mengetahui usaha kolaborasi Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan institusi-institusi tinggi lain mengenai isu *biodiversity* dan alam sekitar.
- Menyoalkan sama ada kajian saintifik dilaksanakan mengenai khasiat herba-herba yang tumbuh di negara ini.
- Mencadangkan agar para pelajar dan pensyarah untuk bekerjasama dengan petani-petani herba dalam menjalankan kajian tersebut jika tidak ada yang dilakukan setakat ini.

viii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:

- Mencadangkan supaya mengadakan kelas secara fizikal pada hari Isnin, Selasa dan Rabu dan kelas secara maya pada hari Khamis dan Sabtu untuk sementara waktu.
- Ingin mengetahui mengenai dengan usaha dan peruntukan bagi Unit Pendidikan Khas dalam menyediakan keperluan-keperluan pelajar khas khususnya dalam situasi wabak COVID-19.
- Memohon pencerahan mengenai dengan jumlah graduan dan status kejayaan program UNISSA dalam melahirkan para ulama sejak penubuhannya.
- Ingin mengetahui status penilaian bagi keberkesanan program-program UBD dalam pembangunan negara.

ix. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

- Ingin mengetahui jika pendidikan pertanian boleh diwujudkan semula di peringkat sekolah rendah untuk memberi kemahiran awal kepada anak-anak muda.

2.4.4. Tajuk SF01A hingga SF06A, Kementerian Pendidikan telahpun diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.5. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

- 2.5.1. Jawatankuasa telah menimbaangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
- 2.5.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:
 - Ingin mengetahui jika terdapat perancangan kerangka kerja untuk membuka pelancongan antarabangsa semula.
 - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
 - Ingin mengetahui sejauh mana keberkesanan dan kemajuan pengusaha di bawah projek bersama Syarikat Gropoint atas sebab hasil jualan dipotong bagi pembinaan projek *green house*.
 - iii. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:
 - Menyoalkan mengenai usaha dan inisiatif pihak Kementerian untuk memperkenalkan kaedah baharu yang berasaskan teknologi atas talian.
 - iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:
 - Menyoalkan jika ada dilaksanakan penyelidikan tentang pendapat masyarakat dalam menaiktaraf kualiti beras tempatan.
 - Menyoalkan mengenai jumlah pakar yang terdiri daripada anak tempatan dalam bidang pertanian dan perikanan.
 - Ingin mengetahui usaha-usaha dalam penghasilan barang mentah bagi mencapai *food security* negara dan sumber ekspor bagi perkembangan negara.

2.5.3. Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.6. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

2.6.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Ugama.

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SELASA, 01 MAC 2022 JAM 9.30 PAGI]
